UEA 2014/15

UniMAP ENTREPRENEURIAL AWARDS

Edisi 01/14 Jun 13 – Sep 14

mindausahawan@puspek

PUSAT PEMBANGUNAN KORPORAT & PENGURUSAN KUALITI (PUSPEK)

MISI

Memimpin, menyangga dan melestarikan agenda pembangunan korporat dan pengurusan kualiti Universiti ke arah mentransformasikan budaya kerja yang berprestasi tinggi

VISI

Teraju pusat tanggungjawab UniMAP

Anugerah Kualiti SIRIM, 15 November 2013

Dari meja Ketua Editor

السلام عليكم ورحمة الله وبركاته

Pertama-tamanya dan selama-lamanya, saya mengucapkan syukur kehadrat Allah SWT yang telah memberikan kelapangan dan kesempatan kepada PUSPEK untuk merakamkan kegiatan keusahawanan yang dilaksanakan sepanjang tahun 2013-2014 bagi memenuhi keperluan pertandingan UEA UniMAP.

Rakaman ringkas ini secara tidak langsung menonjolkan amalan keusahawanan dan penjimatan di PUSPEK. Amalan ini terserlah melalui kreativiti dan kegigihan setiap staf dalam menyediakan kandungan teks, mereka bentuk, mereka letak dan seterusnya menerbitkan sendiri buku ini.

Tahniah dan syabas kepada semua staf PUSPEK atas kerjasama dan usaha gigih yang dicurahkan. Tanpa budaya kukuh kerja berpasukan, sudah tentu rakaman ini tidak dapat dihasilkan dengan baik. TERIMA KASIH PUSPEK.

Sekian, Wassalam

PUSAT PEMBANGUNAN KORPORAT & PENGURUSAN KUALITI (PUSPEK)
Blok D, No. 2,4,6, & 8, (Tingkat Atas)
Taman Pertiwi Indah,
Jalan Kangar - Alor Setar,
Seriab, 01000 Kangar,
Perlis.
Tel : 04-979 8644
Faks: 04-979 8468
Email: puspek@unimap.edu.my

UniMAP UEA 2014/15
UniMAP ENTREPRENEURIAL AWARDS
Edisi 01/14 Jun 13 – Sep 14

PENAUNG
Brig. Jen. Datuk Prof. Dr. Kamarudin Hussin

PENASIHAT
Prof. Madya Abdul Aziz Mahmuddin

EDITORIAL

Ketua Editor
Dr. Junaini Kasdan

Timbalan Ketua Editor
Maskor Bajuri

Pengurusan Pentadbiran
Khalilah Khairi

Pengurusan Strategi
Siti Farah Syazana Mohamed Yusoff

Pengurusan Kualiti: ISO
Abdul Ghani Fathil

Pengurusan Kualiti: KIK
Maskor Bajuri

Pengurusan Kualiti: 5S
Budiman Ikhwandee Fadhilah

Pengurusan Teknologi Maklumat
Mohamed Roshimi Md Shahor

YAYASAN UniMAP & KUKUM Engineering
Khalilah Khairi

Pereka Grafik & Fotografi
Mohd Fazlie Yusoff

Montaj
Siti Farah Syazana Mohamed Yusoff

Tugas-Tugas Khas
Nurul Asyikin Fadzil
Ezy Erwayu Zainudin
Norzamira Man
Suhana Shaari
Afzazila Tahar
Ahmad Zakime Sharidan
Aizat Hizami Emir Asmadi

Penerbit
Pusat Pembangunan Korporat dan Pengurusan Kualiti (PUSPEK)

KANDUNGAN

	HALAMAN
Misi dan Visi PUSPEK	i
Dari Meja Ketua Editor	ii
Kandungan	iii
Ringkasan Eksekutif	1
Amalan keusahawanan PUSPEK	
○ Pengurusan Pentadbiran	2
○ Pengurusan Strategi	3 - 5
○ Pengurusan Kualiti	
- Pengurusan Kualiti: ISO	6 - 9
- Pengurusan Kualiti: KIK	10 - 12
- Pengurusan Kualiti: Amalan 5S	13 - 14
○ Pengurusan Teknologi Maklumat	15 - 16
○ Keusahawanan Sosial	17
- KUKUM Engineering	18
- YAYASAN UniMAP	19
○ Kesimpulan	20
○ Senarai Aktiviti PUSPEK 2013 – 2014	21

RINGKASAN EKSEKUTIF

PUSAT PEMBANGUNAN KORPORAT DAN PENGURUSAN KUALITI (PUSPEK) ditubuhkan untuk menyelaraskan aktiviti Perancangan Strategik, Sistem Pengurusan Kualiti, Kumpulan Inovatif dan Kreatif, Persekitaran Berkualiti (5S) dan penyelidikan tentang kesihatan korporat peringkat universiti.

Dalam era awal penubuhannya pada tahun 2006, PUSPEK mengutamakan konsep penjimatan perbelanjaan universiti. Pelbagai kaedah digunakan, dan yang paling utama adalah menggalakkan staf mempunyai pelbagai kemahiran kerja untuk melaksana pelbagai tugasan (*multitasking*) supaya dapat mengelakkan penggunaan pendekatan *outsourcing* dalaman atau luaran sebagai usaha penjimatan sumber tenaga dan kewangan.

Kedua, PUSPEK menggalakkan staf mendalami ilmu dan kemahiran dalam tugasan masing-masing melalui proses penimbaan ilmu pengurusan strategi, sistem pengurusan kualiti, pengurusan Kumpulan Inovatif dan Kreatif, dan pengurusan persekitaran berkualiti 5S. Berbekalkan ilmu, dalam skop tujuan penubuhannya, kini PUSPEK telah berkembang sebagai pusat penjanaan kewangan universiti dengan menawarkan pelbagai bengkel dan kursus menggunakan kepakaran dalaman PUSPEK. Melalui kaedah-kaedah yang diamalkan, PUSPEK mula menyerlahkan daya keusahawanannya dengan mengutamakan **penjimatan kos penganjuran kursus dan bengkel dalaman** dan **penjanaan pendapatan universiti.**

PENTADBIRAN

PUSPEK sentiasa memastikan stafnya mempunyai nilai *multitasking* di samping mengutamakan disiplin waktu, memelihara penampilan diri, menjaga tatasusila dan mesra pelanggan, sama ada di pejabat atau semasa menganjurkan aktiviti, seperti bengkel dan kursus.

Semua staf PUSPEK mengamalkan waktu pulang bekerja pada pukul 5:30 petang. Jadual perancangan harian/mingguan staf sentiasa dipaparkan pada skrin komputer yang terletak di ruang legar pejabat untuk memudahkan perkongsian maklumat tentang *where about* staf. Setiap kegiatan dirakamkan dalam bentuk laporan bergambar dan dipamerkan di sudut laporan aktiviti bulanan bagi memudahkan pengesanan aktiviti dan produktiviti PUSPEK secara keseluruhan.

Sistem kualiti persekitaran pejabat 5S diamalkan dengan baik dan sering menjadi tanda aras jabatan lain, sama ada dari dalam atau luar UniMAP. Amalan 5S di PUSPEK didapati dapat menyumbang kepada peningkatan kecekapan dan keberkesanan kerja di samping mewujudkan suasana ruang pejabat yang ceria.

Dalam tahun 2013, pentadbiran pejabat PUSPEK berjaya menjimatkan perbelanjaan universiti sebanyak **RM 7,130.00** dengan menggunakan perabot pejabat terpakai (aset), yang diterima daripada Pusat Kerjasama Industri dan Agensi Kerajaan (CIGC) untuk membangunkan sebuah Makmal Inovasi yang dapat digunakan oleh semua staf UniMAP yang menjalani bengkel Kumpulan Inovatif dan Kreatif (KIK) dan Bengkel Amali 5S. Anggaran jumlah penjimatan adalah seperti yang berikut:

ASET	KUANTITI	ANGGARAN HARGA	JUMLAH
Meja Mesyuarat	4	RM500.00	RM2,000.00
Kerusi Mesyuarat	27	RM190.00	RM5,130.00
		JUMLAH KESELURUHAN	**RM7,130.00**



Sekiranya program yang sama ditawarkan oleh syarikat perunding luar di Malaysia adalah dalam lingkungan RM4,000.00 untuk seorang peserta, tidak termasuk penginapan.

Penjimatan

RM252,000



Penjanaan Kewangan

Dalam tahun 2013 juga PUSPEK mula mengorak langkah baru dengan menawarkan BENGKEL ***MASTERING STRATEGIC AND PERFORMANCE MANAGEMENT: A PROCESS APPROACH WITH BSC FRAMEWORK (SPECIALLY TAILORED FOR EDUCATION INSTITUTIONS)*** kepada masyarakat umum untuk menjana pendapatan universiti. Sehingga kini, PUSPEK telah melatih seramai 21 orang staf dari pelbagai agensi kerajaan dalam negara dan seorang peserta dari Indonesia. Selain itu, PUSPEK berjaya menjadi tenaga pakar penciptaan strategi bagi Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA) dan Kolej Universiti Islam Perlis (KUIPS). PUSPEK pada masa ini dilantik sebagai perunding ICoE (Healthcare Cluster) Kementerian Pendidikan Malaysia untuk menyediakan Pelan Strategik ICoE (Healthcare Cluster) 2015 – 2020. Melalui aktiviti yang dianjurkan, PUSPEK berjaya **menjana pendapatan bagi UniMAP sebanyak RM38,172.00,** iaitu 20% daripada kos penganjuran bengkel dan perundingan dalam tahun 2013-2014 sahaja.

SIRI 1
- 5 - 10 MEI 2014
- HOTEL SERI MALAYSIA, KANGAR, PERLIS
- 15 ORANG PESERTA
- Hasil Pendapatan: RM43,588.00

SIRI 2
- 17 - 23 OGOS 2014
- ASEANIA RESORT & SPA, LANGKAWI, KEDAH
- 19 ORANG PESERTA
- Hasil Pendapatan: RM42,550.00

PEMBANGUNAN PELAN STRATEGIK ICoE (HEALTHCARE)
- 15 - 21 SEPTEMBER 2014
- CHOPTRONE ORCHID HOTEL, PULAU PINANG
- 23 ORANG PESERTA
- Hasil Pendapatan: RM128,137.00

JUMLAH PENDAPATAN (RM)

KURSUS KESEDARAN MS ISO 9001: 2008

Menurut kajian International Standard Organisation (ISO) yang beribu pejabat di Geneva, Switzerland, satu daripada kelemahan pelaksanaan ISO 9001:2008 adalah kelemahan kesedaran anggota kerja di sesebuah organisasi terhadap pelaksanaan sesuatu sistem pengurusan.

Menyedari hakikat ini, PUSPEK telah mengambil inisiatif dengan menawarkan tiga siri program Kursus Kesedaran ISO secara dalaman, yang melibatkan staf dari pelbagai peringkat melalui pendekatan yang lebih terfokus. Kaedah ini bukan sahaja menjimatkan peruntukan perbelanjaan mengurus Unit Latihan, Jabatan Pendaftar, tetapi juga mampu melatih lebih ramai staf. Melalui tiga siri program yang dianjurkan, PUSPEK berjaya melatih 25 orang staf dengan hanya membelanjakan sebanyak RM1,200.00, berbanding dengan RM15,000.00, iaitu harga yang ditawarkan oleh perunding luar.

Kursus Kesedaran MS ISO 9001:2008

PENGURUSAN KUALITI: ISO

Kesedaran anggota organisasi tentang kepentingan peningkatan kualiti dalam penawaran barangan dan perkhidmatan juga menjadi fokus utama PUSPEK. Justeru, PUSPEK dengan kerjasama Unit Latihan, Jabatan Pendaftar telah menganjurkan beberapa Siri Kursus Kesedaran ISO 9001:2008 secara dalaman (*In-House*) kepada staf bagi meningkatkan Kesedaran terhadap Sistem Pengurusan Kualiti (SPK). Kursus seumpama ini hanya memerlukan perbelanjaan yang minimum untuk dilaksanakan.

Perbandingan Penjimatan Kos

Tanda aras harga pasaran Konsultan #A	Tanda aras harga pasaran Konsultan #B	Jurulatih Dalaman Bertauliah
RM 600 /pax	RM 550/pax	Tiada Kos Yuran Penyertaan kepada Peserta Kursus

Contoh penjimatan kos yuran kursus:
RM 600/pax x 25pax = RM15,000 x 3 Siri =

RM45,000

Kursus Kesedaran MS ISO 9001:2008

PENGURUSAN KUALITI: ISO

Program Kursus Jangka Pendek di bawah *ICoE Kluster Automotif* telah dilaksanakan dengan Kerjasama Pusat Kerjasama Industri dan Kerajaan (CIGC) dan ICoE Kluster Automotif , Universiti Malaysia Pahang (UMP).

Seramai 25 orang peserta yang terdiri daripada pelajar tahun akhir UniMAP dari beberapa buah Pusat Pengajian Kejuruteraan telah menyertai program lima hari ini. Program ini turut melibatkan Sistem Pengurusan Kualiti bagi sektor Industri Automotif, iaitu ISO TS 16949. Dalam hal ini, khidmat kepakaran dalaman PUSPEK, telah membantu **universiti menjimatkan kos yuran sebanyak RM118,565.00** berbanding dengan sekiranya universiti menggunakan perkhidmatan perunding luar.

<table>
<tr><th>MODULE</th><th>TANDA ARAS HARGA PASARAN KONSULTAN #A</th><th>TANDA ARAS HARGA PASARAN KONSULTAN #B</th><th>JURULATIH DALAMAN BERTAULIAH</th></tr>
<tr><td>Understanding the requirement ISO TS 16949</td><td rowspan="5">RM1100/2d/pax/ module
Or
RM660/1d/pax/ module

Max. (25pax)/module
RM137,500</td><td>RM750.00/day/pax</td><td rowspan="4">•Obtain grant from iCoE Automotive (UMP) by CIGC - RM18,935
•Internal Trainer from PUSPEK</td></tr>
<tr><td>APQP/PPAP</td><td rowspan="3">RM1800.00/ 3 day/pax</td></tr>
<tr><td>DFMEA/PFMEA</td></tr>
<tr><td>Control Plan</td></tr>
<tr><td>8D Report/MSA</td><td>MSA - RM1300/3d/pax</td><td>Cost Saving eg:
RM 137,500 - RM18,935
= RM118,565</td></tr>
</table>

KTPC
KULIM TECHNOLOGY PARK CORPORATION
GROUP OF COMPANIES

PELANGGAN ULANGAN / *REPEAT CUSTOMER*

Pada 16 - 17 April 2014, satu sesi Bengkel Pemantapan Audit QMS anjuran Anjung UniMAP Kulim dengan pelanggan ulangan, KTPC telah diadakan. Bagi menjayakan bengkel ini, PUSPEK sekali lagi diberi penghormatan untuk menjadi penceramah. Penganjuran program dengan KTPC yang memilih penceramah yang sama dari PUSPEK membuktikan bahawa PUSPEK telah merealisasikan perkhidmatan terbaik, yang memenuhi kehendak pelanggan.

Bengkel Pemantapan Audit QMS di KTPC

Pengendalian bengkel dua hari, dengan **kos khidmat perunding sebanyak RM5,000.00** ini membuktikan bahawa produk yang ditawarkan oleh PUSPEK juga berdaya saing dan diterima baik oleh pelanggan luaran serta menjana pendapatan universiti sebanyak RM5,000 x 2 program.

RM 10,000

KUMPULAN INOVATIF & KREATIF

Transformasi merupakan agenda kritikal pentadbiran awam di Malaysia pada dasawarsa ini. Kumpulan Inovatif & Kreatif (KIK) merupakan batu loncatan ke arah pemupukan budaya transformasi dan budaya kerja cemerlang di sektor awam.

PUSPEK, berasaskan idea **I positively CHANGE,** secara serius menjadikan budaya kreatif dan inovatif sebagai suatu keperluan utama bagi menambah baik proses kerja dengan melihat keperluan utama pelanggan dan pemegang taruh bagi mencapai visi UniMAP. Di samping itu, PUSPEK turut menyangga UniMAP menyemarakkan agenda ini sesuai dengan fungsinya sebagai pusat penyelaras aktiviti KIK di bawah Unit Pengurusan Kualiti.

Penyertaan UniMAP dalam Konvensyen KIK Kali Ke-10 di Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS)

PENJIMATAN
RM58,000.00

KUMPULAN INOVATIF & KREATIF

Meskipun PUSPEK hanya membantu kemenangan kumpulan KIK UniMAP sebagai 'jurulatih' penggunaan tujuh (7) peralatan QC dan penyediaan dokumen, namun di sebalik kejayaan kecil itu PUSPEK berjaya menjimatkan sebanyak **RM58,000.00** kos jururunding kursus. Hal ini kerana kumpulan KIK di UniMAP dilatih sendiri oleh pakar dalaman yang berada di PUSPEK sehingga pasukan UniMAP berjaya meraih kejayaan besar setelah lima tahun berusaha tanpa henti.

Perbandingan Kos Pengendalian Kursus KIK Menggunakan Khidmat Perunding

BIL	PROGRAM	RM		
		PERUNDING A	PERUNDING B	PUSPEK
1	Persediaan Ke Konvensyen IPTA	7,000.00	4,000.00	-
2	Intensif Ke Konvensyen IPTA (RM7,000 x 6)	42,000.00	24,000.00	-
3	Pemantapan Dokumentasi KIK	5,000.00	3,000.00	-
4	Bengkel Fasilitator KIK Baharu	5,000.00	3,000.00	-
5	Bengkel Ahli Baharu KIK	4,000.00	3,000.00	-
	JUMLAH	**58,000.00**	**44,000.00**	-

PENGURUSAN KUALITI: KIK

Demi melaksana fungsinya dengan berkesan, PUSPEK mengambil langkah mewujudkan kepakaran dalaman bagi menjayakan KIK, khususnya dari aspek pembangunan modal insan di UniMAP. Dengan adanya kepakaran dalaman yang sentiasa mendokong hasrat 'bersaing untuk mencipta' dengan kumpulan KIK senior dan baru, UniMAP pada tahun ini, melalui Kumpulan REKA telah dinobatkan sebagai pemenang tempat ke-2 pertandingan KIK peringkat IPTA 2014 dan produk 'AGRO CC' turut diisytiharkan sebagai produk inovasi terbaik konvensyen, selain daripada dua produk yang dipertaruhkan oleh UniMAP diiktiraf sebagai bertaraf emas.

Kemenangan ini telah menaikkan imej UniMAP dalam kalangan IPTA dari kacamata konvensyen KIK IPTA.

Agro Chili Cutter (Agro CC)

Penyerahan cek sebagai insentif kepada Kumpulan Reka

AMALAN PERSEKITARAN BERKUALITI (5S)

Asas pembangunan perancangan strategik UniMAP, iaitu mengkondusifkan infrastruktur dan infostruktur telah menjadi satu motivasi kepada seluruh warga UniMAP bagi melestarikan persekitaran UniMAP ke arah persekitaran berkualiti.

Ekoran pembangunan pesat UniMAP yang menuntut persekitaran kerja yang kondusif dan berkualiti, amalan 5S telah dijadikan agenda pembudayaan kualiti bagi memastikan persekitaran kerja dan pembelajaran di UniMAP dapat diharmonikan dengan konsep kampus hijau yang dijadikan strategi berkesan kearah melahirkan modal insan yang mempunyai minda kelas pertama selaras dengan falsafah 5S itu sendiri, iaitu *"Right at The First Time"*.

Pendekatan yang dijalankan di UniMAP adalah dengan menggunakan kepakaran dalaman yang dilaksanakan secara berstrategik oleh PUSPEK. Program ini dijalankan melalui Unit Kualiti PUSPEK.

Dalam tahun 2013-2014, sebanyak lapan (8) kursus yang melibatkan 200 orang staf dari sembilan (9) buah PTJ telah menjalani kursus 5S, manakala PPK Pembuatan telah berjaya mendapat persijilan Persekitaran Berkualiti (5S) daripada MPC. Kejayaan ini ialah hasil latihan, pembangunan sistem, khidmat nasihat dan pemantauan yang digerakkan secara langsung oleh PUSPEK.

PENGURUSAN KUALITI: AMALAN 5S

AMALAN PERSEKITARAN BERKUALITI (5S)

Impak pelaksanaan amalan 5S berjaya membentuk cara kerja baru di PTJ terbabit, iaitu *"Everything in place and place for everything"* dan pemberian perkhidmatan berorientasikan pelanggan.

Melalui pendekatan perbelanjaan berhemah yang dijana melalui pembangunan program secara dalaman, didapati penjimatan **kos yuran**, pembangunan aktiviti dan program 5S secara umumnya berjaya dicapai. Penjimatan yang dapat direkodkan adalah sebanyak RM45,000.00 dengan melibatkan lapan (8) kursus dan pelbagai aktiviti susulan yang dilaksanakan secara mingguan oleh dua orang staf PUSPEK.

Perbandingan Kos Pengendalian Kursus 5S Menggunakan Khidmat Perunding

BIL	PROGRAM	RM	
		PERUNDING A	PUSPEK
1	Kursus Kesedaran 5S (5 X RM5,000.00)	25,000.00	-
2	Kursus Lanjutan 5S (2 X RM5,000.00)	10,000.00	-
3	Kursus Pengurusan Fail (1 X RM5,000.00)	5,000.00	-
4	Kursus Juruaudit Dalam 5S Baharu (1 x RM5,000.00)	5,000.00	-
JUMLAH		**45,000.00**	**-**

SISTEM *ELECTRONIC PERFORMANCE INDICATOR CHANNEL* (EPIC)

EPIC atau Sistem *Electronic Performance Indicator Channel* ialah sebuah sistem yang dibina khusus untuk membantu menyelesaikan masalah pengumpulan data yang sukar diperoleh secara manual. Sistem yang dapat dicapai oleh pengguna di mana-mana menerusi komputer atau telefon pintar ini dapat membantu mempercepatkan proses penapisan data bagi menghasilkan data yang berkualiti. Sistem ini turut memberi kemudahan akses kepada pengurusan utama untuk menyemak data tanpa mengira masa dan tempat.

Pada asasnya **EPIC** adalah suatu bentuk inovasi yang mengguna pakai konsep sintesis, iaitu dengan mengambil kira idea pembangunan sistem *Electronic Program Management Office* (EPMO) Pelan Strategik Pengajian Tinggi Nasional (PSPTN) dan mengharmonikannya mengikut keperluan universiti, yang jauh lebih murah berbanding kos pembangunan Sistem EPMO. EPIC dibangunkan dengan kos minimum sebanyak RM30 ribu berbanding Sistem EPMO yang menjangkau RM1 juta. Perbandingan ini adalah berdasarkan modul-modul utama yang terdapat dalam kedua-dua sistem, yang seakan-akan sama.

Keunikan sistem ini adalah berkeupayaan menyediakan data keseluruhan kepada pengurusan utama UniMAP, yang diperoleh daripada pusat pengajian berkaitan. Justeru, sistem ini berkeupayaan membantu proses pembuatan keputusan, dan membantu menambah baik kualiti pengurusan universiti pada peringkat awal, di samping berkeupayaan membantu mengenal pasti pusat pengajian yang bermasalah. Dengan menggunakan kepakaran dalaman PUSPEK, UniMAP telah dapat **menjimatkan sekitar RM970,000.00** perbelanjaan universiti.

eQdoc

SISTEM PENGURUSAN DOKUMEN KUALITI ISO UniMAP SECARA ATAS TALIAN

Pada asalnya dokumen-dokumen Sistem Pengurusan Kualiti (SPK) di UniMAP diciptakan, diproses dan diedarkan secara manual. Apabila berlaku perubahan bagi satu-satu dokumen, didapati bahawa kos percetakan dan pengedaran sesuatu dokumen ke seluruh PTJ yang bertaburan menelan perbelanjaan sebanyak RM1,700.00. Menyedari ketinggian kos itu mendorong terhasilnya **eQdoc**.

eQdoc ialah sistem yang dibina khusus untuk menempatkan dokumen-dokumen kualiti ISO UniMAP, khususnya dokumen kualiti MS ISO 9001:2008 dan MS ISO/IEC17025:2005 secara dalam talian. Sistem ini meliputi lima (5) modul, iaitu Modul Pengurusan Dokumen Kualiti ISO, Modul Laporan Ketidakpatuhan (NCR), Modul Aduan Maklum Balas Pelanggan, Modul Ruangan Interaksi dan Ruangan Buletin.

Sistem ini membantu menjimatkan masa bagi sesuatu proses yang dilakukan kerana tidak melibatkan proses penghantaran dokumen bercetak, sekali gus mengurangkan penggunaan ruangan simpanan dokumen itu sendiri. Antara lain, sistem ini menyediakan capaian dokumen kualiti ISO yang mudah dan pantas melalu teknologi terkini menggunakan telefon pintar.

Pembangunan sistem ini tidak melibatkan kos berbanding sistem yang ditanda aras dibangunkan oleh sebuah vendor sebanyak RM 25,000.00 dan hanya melibatkan modul pengurusan dokumen kualiti ISO sahaja. Dengan menciptakan sendiri sistem ini oleh staf PUSPEK, dengan semua modul tambahan yang sedia ada, secara konservatif UniMAP dapat **menjimatkan kos sebanyak RM100,000.00**.

KEUSAHAWANAN SOSIAL

Di samping melaksanakan tugas dan tanggungjawab, misi penubuhan PUSPEK, staf juga berupaya melaksanakan aktiviti yang berkaitan dengan keusahawan sosial bermula dengan Program Solat Jumaat bersama dengan masyarakat Padang Besar Utara di Masjid Salahuddin Al-Ayyubi pada 19 Ogos 2011 diikuti dengan sumbangan kepada keluarga yang kurang berkemampuan di sekitar Perlis. Selain itu, PUSPEK turut menyumbang kepada khidmat kemasyarakatan dengan memenuhi undangan dari agensi di luar UniMAP mengikut kepakaran staf.

BIL	SUMBANGAN	KOMUNITI	STAF
1	Juri Petandingan KIK Zon Utara Jabatan Kesihatan Negeri Perlis	Jabatan Kesihatan Negeri Perlis	En. Abdul Ghani Fathil & En. Budiman Ikhwandee Bin Fadzilah
2	Fasilatator KIK Kolej Vakasional	Kolej Vokasional Arau, Perlis	En. Budiman Ikhwandee Fadzilah
3	Juri Pertandingan KIK RTM Zon Utara	RTM Langkawi, Kedah	En. Budiman Ikhwandee Fadzilah
4	Graduate Employability Program	B'Braun Sdn. Bhd. Penang	En. Maskor Bin Bajuri & En. Abdul Ghani Fathil
5	Juri Petandingan KIK Zon Utara Jabatan Kesihatan Negeri Perlis	Jabatan Kesihatan Negeri Perlis	En. Abdul Ghani Fathil
6	Fasilitator KIK	Jabatan Kesihatan Negeri Perlis	En. Abdul Ghani Fathil

Jemputan sebagai Ketua Juri Konvenyen KIK Jabatan Kesihatan Negeri Perlis pada tahun 2013 dan 2014

Jemputan sebagai Fasilitator Konvensyen KIK Radio Televisyen Malaysia (RTM) Zon Utara 2014

KUKUM ENGINEERING (MALAYSIA) SDN. BHD.

Sebelum YAYASAN UniMAP ditubuhkan, PUSPEK turut membantu UniMAP menubuhkan KUKUM Engineering (Malaysia) Sdn. Bhd. yang bertujuan dijadikan kendara (*vehicle*) oleh UniMAP menjana pendapatan melalui pelbagai aktiviti latihan dan perundingan.

Kini, KUKUM Engineering telah diserahkan kepada CIGC sebagai *care taker*, sementara PUSPEK adalah antara penyumbang produk latihan dan perunding pengurusan strategi dan prestasi organisasi, serta pelbagai latihan sistem pengurusan kualiti, KIK dan persekitan berkualiti 5S.

Bengkel Pembangunan Pelan Strategik ICoE (Healthcare Cluster) dengan kerjasama KUKUM Engineering (Malaysia) Sdn. Bhd.

YAYASANUNIMAP
UNIVERSITI MALAYSIA PERLIS

YAYASAN UniMAP

Diperbadankan di bawah Akta Syarikat 1965 pada 5 Ogos 2013. Objektif YAYASAN UniMAP secara umumnya adalah untuk mengumpulkan, mengurus dan mentadbir apa jua dana dan/atau dana endowmen untuk membangunkan, merangsang, dan meningkatkan aktiviti pendidikan, kesarjanaan, penyelidikan dan kebajikan Universiti Malaysia Perlis dan komunitinya dalam usaha meningkatkan kekondusifan dan kelestarian persekitaran akademik dan daya saingnya sebagai institusi pengajian tinggi.

Sehingga kini, YAYASAN UniMAP masih lagi beroperasi di PUSPEK sehingga ia diyakini dapat bergerak sendiri dengan lebih aktif. Pelantikan YBhg. Brig. Jen. Datuk Prof. Dr. Kamarudin Hussin, Naib Canselor UniMAP sebagai Pengerusi Lembaga Pengarah YAYASAN UniMAP dijangka akan dapat menarik perhatian para filantropi untuk menyumbang kepada YAYASAN UniMAP untuk mencapai objektif penubuhannya.

Hakikatnya, YAYASAN UniMAP dilahirkan oleh minda usahawan yang segar di PUSPEK.

KESIMPULAN





Kesimpulannya, komitmen dalam isu inovasi dalam perkhidmatan, sistem penyampaian, penjanaan kekayaan dan perbelanjaan berhemah, PUSPEK telah mula beranjak dengan pemanfaatan kapasiti, keupayaan dan kompetensi dalaman dalam merealisasikan perancangan aktiviti tahunannya seiring dengan Perancangan Strategik UniMAP untuk memperkasakan budaya kreatif dan inovatif, meningkatkan kualiti sistem penyampaian perkhidmatan, melonjakkan penjanaan kekayaan dan melestarikan perbelanjaan berhemat.

Untuk memperkukuh agenda ini, aspek pemasaran dan *networking* perlu ditingkatkan bagi merebut peluang yang ada. Namun, berdasarkan laporan yang dikemukakan, PUSPEK komited dengan agenda "Berminda Usahawan" dengan bukti penjimatan perbelanjaan keseluruhan berjumlah **RM 1.5** juta dan menjana kewangan **RM 38,172.**

PUSPEK komited dengan agenda melonjakkan penjanaan kekayaan dan melestarikan perbelanjaan berhemat. Mulai tahun hadapan, insya-Allah PUSPEK akan menawarkan kepakarannya ke pasaran antarabangsa.

SENARAI AKTIVITI PUSPEK 2013 - 2014

2013	21 Jan 2013	- Q talk by Dr. Nigel H Croft, Dewan Keikhlasan UniMAP
	5 Feb 2013	- Majlis Ucaptama Tahunan UniMAP
	6 Feb 2013	- Bengkel Pemurnian Artikel
	28 Feb 2013	- Lawatan Benchmark 5S di Perda-Tech (Institut Kemahiran Tinggi Perda)
	18 Apr 2013	- Bengkel Asas Pengenalan KIK UniMAP
	11 Mei 2013	- Lawatan Unisza ke PUSPEK & UniMAP
	21-22 Mei 2013	- Konvensyen KIK peringkat IPTA kali ke-9 di UUM
	29-30 Mei 2013	- Kursus Amalan Persekitaran Berkualiti (5S)
	2 Jun 2013	- Pameran Sempena Hari Pendaftaran Pelajar Baharu Program Diploma
	19-21 Jun 2013	- Mesyuarat penutupan audit pensijilan semula MS ISO 9001 : 2008
	1-6 Jul 2013	- Bengkel Malim Skorkad Berimbang
	30 Jul 2013	- Wacana Penyelidikan Citra dan Reputasi UniMAP
	23 Ogos 2014	-Audit Pensijilan 5S
	1 Sep 2014	- Pameran Sempena Hari Pendaftaran Pelajar Baharu Program Ijazah
	10 Sep 2013	- Lawatan Kolej Komuniti di PUSPEK
	10 Okt 2013	- Kursus 5s di PPK Pembuatan
	11 Okt 2013	- Pameran KIK sempena hari Inovasi peringkat Pejabat Setiausaha Negeri Perlis
	21 Okt 2013	- Program Tinjauan Aspirasi Masyarakat di Dewan Kapitol, Kangar
	15 Nov 2013	- Majlis penerimaan Anugerah Kualiti SIRIM 2013 (Organisasi)
	4 Dis 2013	- Mesyuarat penutupan audit Dalaman
	18 Dis 2013	- Mini Konvensyen KIK
	29 Dis 2013	- Lawatan Universiti Malaysia Terengganu di PUSPEK
2014	16 Jan 2014	- Program Penciptaan Kekayaan UniMAP : Suatu Pencerahan
	12 Feb 2014	- Majlis Ucaptama Tahunan UniMAP
	28 Mac 2014	- Kursus Kesedaran MS ISO 9001:2008
	9-10 Apr 2014	- Konvensyen KIK di Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS)
	15 Apr 2014	- Lawatan dari Universiti Malaysia Sabah (UMS)
	16 Apr 2014	- Lawatan dari Universiti Tun Hussien Onn Malaysia (UTHM)
	22 Apr 2014	- Mesyuarat Kajian Semula Sistem Pengurusan (MKSP)
	5 - 10 Mei 2014	- Bengkel *Mastering Strategic And Performance Management: A Process Approach With BSC Framework* (*Specially Tailored For Education Institutions*)
	30 Mei 2014	- Program Kesedaran 5S di PPK Mekatronik
	23-24 Jun 2014	- Kursus Kumpulan Inovatif dan Kreatif (KIK)
	4 Jul 2014	- Sumbangan PUSPEK kepada keluarga kurang berkemampuan
	8 Jul 2014	- Lawatan dari Naza Academy
	6-7 Ogos 2014	- Audit Pemantauan oleh SIRIM QAS International Sdn. Bhd.
	17-23 Ogos 2014	- Bengkel *Mastering Strategic And Performance Management: A Process Approach With BSC Framework* (*Specially Tailored For Education Institutions*)
	27 Ogos 2014	- Lawatan dari Fajr Essential Sdn. Bhd di PUSPEK
	16-21 Sep 2014	- Bengkel Pembangunan Pelan Strategik ICoE (Healthcare Cluster)

UniMAP

mindausahawan@puspek

PUSAT PEMBANGUNAN KORPORAT & PENGURUSAN KUALITI (PUSPEK)

SIRIM Quality Award

QUALITY SYSTEM SIRIM IQNet CERTIFIED MANAGEMENT SYSTEM
CERTIFIED TO ISO 9001:2008
CERT. NO. : MY-AR 5225

QUALITY SYSTEM SIRIM UKAS QUALITY MANAGEMENT 074
CERTIFIED TO ISO 9001:2008
CERT. NO. : AR5225